

Malaysia awasi provokasi Barat

BH-19/6/2007

Kerajaan elak anasir jahat ancam kestabilan, perpaduan kaum, agama: Nazri



Laporan Abdul Halim Yusoff,
Jalal Ali Abdul Rahim
dan Siti Nor Almizan Aripin

KUALA LUMPUR: Kerajaan sentiasa berwaspada dengan anasir negatif Barat yang secara berterusan membuat provokasi untuk menghancurkan kestabilan

negara pelbagai kaum dan agama di negara ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz.

Beliau berkata, kerajaan sedar Barat sentiasa mencari jalan memper-tikaikan kemampuan Barisan Nasional (BN) yang majoriti pimpinannya beragama Islam memimpin negara pelbagai kaum dengan begitu baik.

Katanya, kestabilan yang dikecapi Malaysia memang dicemburui banyak pihak di Barat dan mereka melakukan pelbagai perkara untuk memecah belahkan kesepaduan itu.

"Tindakan terbaru yang mereka la-

kukan ialah memberi status Kesatria kepada Salman Rushdie (orang yang menghina Islam dan Nabi Muhammad).

"Kita tahu siapa dia (Salman), tapi itulah perkara yang dilakukan Barat untuk memerangkap kita. Jadi, kita sentiasa memantau perkara sebegini supaya tidak jatuh dalam perangkap mereka," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Salahudin Ayub (PAS-Kubang Kerian) yang bertanyakan adakah kerajaan sedar tindakan beberapa kuasa besar asing sedang menyemai anasir negatif bagi

menjejaskan hubungan kaum dengan membangkitkan isu sensitif antara Islam dan kristian.

Menjawab soalan asal Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur), Nazri berkata, kerajaan berpandangan pembatalan Persidangan Bina Jambatan Antara Agama Islam-Kristian pada awal Mei lalu tidak ada justifikasi kukuh untuk dikaitkan Malaysia sebagai negara model pelbagai agama.

"Kerajaan mempunyai mekanisme sendiri untuk terus mengekalkan keharmonian hidup beragama sama ada dalam mahupun luar negara mahupun menerusi perhubungan an-

tarabangsa," katanya.

Mengulas lanjut, Nazri berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri memberi penjelasan mengenai Islam Hadhari dalam siri ceramah di pelbagai negara bukan Islam termasuk England, Australia dan India dan peserta bebas berdialog atau bertanyakan apa saja hal berkaitan amalan beragama.

Mengenai kes Lina Joy yang diputuskan mahkamah baru-baru ini, Nazri berkata, setakat ini tidak ada negara lain mempertikaikan keputusan itu kerana mereka faham perkara itu sudah diputuskan mahkamah.